




PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)



KANDUNGAN

PERKARA

Pengenalan

Penubuhan RISDA

Fungsi RISDA

Tanggungjawab RISDA

Visi, Misi, Objektif RISDA

Takrif Pekebun Kecil & Estet

Program Tanam Semula

Syarat Kelayakan AM Bantuan Tanam Semula

Tanam Semula Getah ke Getah (TSGG) & Kadar Bantuan

PERKARA

SYARAT KELAYAKAN TSGG -TS₁ HINGGA TS₄

TANAM SEMULA GETAH KE TANAMAN LAIN (ONE OFF) & KADAR BANTUAN

SYARAT KELAYAKAN TSGL KALI PERTAMA

JENIS TANAMAN YANG DILULUSKAN

PENERIMAAN PERMOHONAN TANAM SEMULA

KAEDAH MELAKSANA TANAM SEMULA

TANAM SEMULA INDIVIDU (TSI)

PERKARA

TANAM SEMULA BERKELOMPOK (TSB)

TAKRIF

SYARAT PENUBUHAN TSB

STRUKTUR JAWATANKUASA TSB

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AJK TSB

TANAM SEMULA KOMERSIAL (TSK)

TAKRIF

SYARAT PENUBUHAN TSK

STRUKTUR JAWATANKUASA TSK –

(Peringkat Tuan Tanah)

STRUKTUR JAWATANKUASA TSK –

(Peringkat Kemajuan Projek)

PERANAN & TANGGUNGJAWAB AJK TSK

PENGHARGAAN



PENGENALAN

Tanam Semula merupakan antara beberapa fungsi utama yang termaktub dalam Akta 85 Tahun 1972. RISDA bertanggungjawab melaksanakan Program Tanam Semula bagi pokok getah tua yang tidak ekonomik dengan tanaman getah atau tanaman lain yang diluluskan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti sektor pekebun kecil. Melalui program ini pekebun kecil menerima bantuan dalam bentuk wang tunai, input pertanian seperti benih dan baja dan khidmat bimbingan.





PENUBUHAN RISDA

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) adalah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan pada 1 Januari 1973 di bawah Akta 85 Tahun 1972

SEBELUM 1973

Lembaga Perusahaan Getah Tanam Semula (LPGTS) - 1952

**Rancangan Pengeluaran Benih Bermutu Tinggi
(Skim 1956 / 1959)**



SELEPAS 1973

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) – 1972


Dan mengambil alih Unit Khidmat Nasihat Pekebun Kecil (RRI)





FUNGSI RISDA

- **Mentadbir Kumpulan Wang Perusahaan Getah Penanaman Semula atau disebut Tabung Wang Ses;**
- **Mengurus dan mengendalikan rancangan-rancangan yang diluluskan di bawah Ordinan 1952;**
- **Merancang dan melaksanakan segala pembaharuan penyelidikan dalam sektor pekebun kecil.**





TANGGUNGJAWAB RISDA

- Melaksanakan segala pembaharuan pertanian yang terdapat daripada penyelidikan;
- Bekerjasama dan berhubung dengan agensi-agensi lain yang bertanggungjawab dalam penyelidikan, pengembangan, pinjaman pertanian, pemprosesan dan pemasaran getah bagi mempercepatkan proses permodenan sektor pekebun kecil;
- Melaksanakan penanaman semula dan penanaman baru bagi sektor Pekebun Kecil dengan benih benih moden yang mengeluarkan hasil yang banyak mengikut cara yang lengkap dan sistematik.





TANGGUNGJAWAB RISDA

- Memastikan supaya sektor petakum kecil dinodentkan dari segala segi bagi memperhalid keadaan ekononi petakum kecil;
- Mendapatkan dan menyitupan perangknan-perangknan yang perlu berhubung dengan pembangunan sektor petakum kecil; dan
- Mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti yang ditentukan oleh Menteri yang bertanggungjawab dari semua ke semua berhubung dengan pembaikan dan kemajuan sektor petakum kecil.





VISI

- **Menjadi Agensi Peneraju Kemajuan Pekebun Kecil**

MISI

- **Membentuk Masyarakat Pekebun Kecil Yang Progresif & Sejahtera Melalui Aktiviti Perladangan & Aktiviti Komersil**

OBJEKTIF

- **Pekebun Kecil Memperoleh Pendapatan Sekurang-kurangnya RM2,500.00 Sebulan Sekeluarga Menjelang Akhir Tahun 2015**





TAKRIF

Pekebun Kecil (*Smallholder*)

Pemilik tanah (owner of land) dengan jumlah semua keluasan apa-apa tanah kurang daripada 100 ekar (40.4686hektar).


Estet (*Estate*)

Apa-apa tanah yang jumlah keluasannya tidak kurang dari 100 ekar (40.4686 hektar dan ke atas).





OVERVIEW PROGRAM TANAM SEMULA





PROGRAM TANAM SEMULA

1. Tanam Semula Getah Ke Getah (TSGG)

2. Tanam Semula Getah Ke Tanaman Lain (TSGL)

SYARAT KELAYAKAN AM BANTUAN TANAM SEMULA

- 1. Pemohon warganegara Malaysia.**
- 2. Pekebun kecil (waris/pemegang amanah) iaitu pemilik tanah yang memiliki tanah dengan jumlah keluasannya kurang daripada 40.4686 hektar.**
- 3. Tanah yang dipohon bantuan tanam semula memiliki hakmilik tanah (geran) yang sah.**
- 4. Tanah yang tidak memiliki hakmilik yang sah mesti mendapat pengesahan pemilikan daripada Pejabat Tanah/Agensi Kerajaan berkenaan**
- 5. Luas minimum 0.1011 hektar dan luas maksimum kurang daripada 40.4686 hektar.**





PROGRAM TANAM SEMULA

1. Tanam Semula Getah Ke Getah (TSGG)

Menanam Semula pokok getah tua yang tidak ekonomik dengan tanaman getah yang baru menggunakan klon yang bermutu tinggi.

ANSURAN	TEMPOH BAYARAN	KADAR BANTUAN (RM/HEK)		
		SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK
1	BENIH SIAP DITANAM	4,930	8,660	8060
2	1 TAHUN SELEPAS ANSURAN 1	1,000	1,350	1,350
3	1 TAHUN SELEPAS ANSURAN 2	1,000	1,200	1,250
4	1 TAHUN SELEPAS ANSURAN 3	1,100	1,300	1,400
5	1 TAHUN SELEPAS ANSURAN 4	1,200	1,490	1,440
JUMLAH		9,230	14,000	13,500



AKTIVITI TANAM SEMULA PROGRAM TSGG

TSGG KALI PERTAMA (TS1) – SYARAT KELAYAKAN

- 1. Kebun mengandung getah bertoreh, atau;**
- 2. Kebun mengandung pokok getah yang tidak ekonomik, atau;**
- 3. Kebun mengandung tunggul getah tua, atau;**
- 4. Mempunyai lain-lain bukti atau dokumen rasmi yang mengesahkan ada pokok getah atau kawasan tumpuan tanaman getah:-**
 - i. Buku lesen getah lama.**
 - ii. Gambar Satelit**





TSGG KALI PERTAMA (TS1) – SYARAT KELAYAKAN

- iii. Lesen Getah atau Kad Pendaftaran Jualan Pekebun Kecil.**
- iv. Surat pengesahan daripada mana-mana Agensi Kerajaan.**
- v. Rekod yang membuktikan lot tersebut pernah menyertai tanam semula.**
- vi. Rekod membuktikan lot yang dipohon tanam semula mengandungi pokok getah berdasarkan lot bersebelahan yang menyertai tanam semula.**





TSGG KALI KEDUA, KETIGA DAN KEEMPAT (TS2, TS3, TS4) –

Menanam semula pokok getah tua yang pernah menyertai tanam semula kali pertama (TS1) dan tidak ekonomik dengan tanaman getah atau tanaman lain yang diluluskan.

Syarat kelayakan bagi semua aktiviti tanam semula (TS2, TS3 dan TS4) telah diseragamkan seperti berikut:

AKTIVITI TANAM SEMULA	LUAS KEBUN GETAH DIMILIKI	KAEDAH PENDEKATAN TANAM SEMULA	UMUR POKOK GETAH DARI TARIKH TANAM HINGGA TARIKH PERMOHONAN DIBUAT
TS2/TS3/TS4	0.1011 HEK. Hingga 40.4686 HEK.	Individu atau Berkumpulan	Minimum 20 Tahun (Kecuali Pokok Getah Sudah Tidak Ekonomik)



PROGRAM TANAM SEMULA

2. Tanam Semula Getah Ke Tanaman Lain (TSGL)

Menanam Semula pokok getah tua yang tidak ekonomik dengan tanaman lain selain tanaman getah.


ANSURAN	TEMPOH BAYARAN	KADAR (RM/HEK)
1	BENIH SIAP DITANAM	5,300
2	1 TAHUN SELEPAS ANS 1	1,100
3	1 TAHUN SELEPAS ANS 2	1,100
JUMLAH		7,500





SYARAT KELAYAKAN KEBUN SERTA TSGL – KALI PERTAMA

- 1. Kebun mengandung getah bertoreh, atau;**
- 2. Kebun mengandung pokok getah yang tidak ekonomis, atau;**
- 3. Kebun mengandung tunggul getah tua, atau;**
- 4. Mempunyai lain-lain bukti atau dokumen resmi yang mengesahkan ada pokok getah atau kawasan tumpuan tanaman getah:-**
 - i. Buku lesen getah lama.**
 - ii. Gambar Satelit**





SYARAT KELAYAKAN KEBUN SERTA TSGL– KALI PERTAMA

- iii. Lesen Getah atau Kad Pendaftaran Jualan Pekebun Kecil.**
- iv. Surat pengesahan daripada mana-mana Agensi Kerajaan.**
- v. Rekod yang membuktikan lot tersebut pernah menyertai tanam semula.**
- vi. Rekod membuktikan lot yang dipohon tanam semula mengandungi pokok getah berdasarkan lot bersebelahan yang menyertai tanam semula.**





JENIS TANAMAN YANG DILULUSKAN

1. GETAH

Tanaman getah hanya program TSGG dan TBKG

2. JENIS TANAMAN LAIN:

Tanaman selain getah untuk program TSGL (One Off)

- i. Sawit
- ii. Kelapa
- iii. Koko
- iv. Kopi
- v. Buah-buahan


(Durian, Rambutan, Durian, Belanda, Ciku, Mangga, Jambu Batu, Duku, Limau, Langsung, Belimbing, Dokong, Manggis, Cempedak, Sukun dan Nangka.)

- vi. Nanas
- vii. Orkid
- viii. Lada Hitam
- ix. Medang Teja
- x. Spesis Balak

(Sentang, Jati dan Khaya (African Mahogany))

PENERIMAAN PERMOHOHAN TANAM SEMULA

1. Semua permohonan tanam semula hendaklah dipohon melalui TS Online
2. Permohonan Bantuan Tanam Semula secara atas talian boleh dibuat melalui pautan di portal RISDA www.risda.gov.my/tsonline atau di alamat <http://tsonline.risda.gov.my>





KAEDAH MELAKSANA TANAM SEMULA

1. TANAM SEMULA INDIVIDU (TSI)
2. TANAM SEMULA BERKUMPULAN
 - 2.1 *Tanam Semula Berkelompok (TSB)*
 - 2.2 *Tanam Semula Komersial (TSK)*
 - 2.3 *Tanam Semula Komersial Jangka Pendek (TSKJP)*
 - 2.4 *Tanam Semula Gabungan Sarawak (TSGS)*
3. TANAM SEMULA DI BAWAH AGENSI
FELDA/FELCRA/KESEDAR/LKPP DLL
4. TANAM SEMULA KAWASAN ORANG ASLI.





TANAM SEMULA INDIVIDU (TSI)

TAKRIF:

Satu kaedah menanam semula tanah pekebun kecil yang dimiliki dan dilaksanakan secara individu (perseorangan) iaitu sebagai pemilik pengusaha atau warisnya jika pemilik telah meninggal dunia atau oleh pihak lain yang dilantik bagi mewakili pemilik tanah melalui Surat Wakil Kuasa (SWK).





TANAM SEMULA BERKELOMPOK (TSB)

TAKRIF


Satu kaedah pengurusan tanam semula dimana kebun-kebun berdekatan digabung untuk ditanam semula secara bersama dan serentak yang diuruskan oleh satu jawatankuasa yang dilantik di kalangan pemilik-pemilik kebun yang terlibat.





SYARAT PENUBUHAN


1. Sekurang-kurangnya 8 peserta yang sanggup memberi kuasa kepada Pengerusi Jawatankuasa TSB sebagai wakil kuasa.
2. Kawasan getah tua terletak dalam satu blok yang berhampiran mengandungi sekurang-kurangnya 10 lot tanah.
3. Luas kawasan sekurang-kurangnya 10 hektar.
4. Wujud sebuah jawatankuasa yang dilantik untuk mengurus kawasan tersebut dikalangan peserta.
5. RISDA bersetuju untuk membangunkan kawasan itu sebagai TSB.





STRUKTUR JAWATANKUASA TSB


- i. Pengerusi**
- ii. Setiausaha**
- iii. Bendahari**
- iv. Ahli Jawatankuasa Biasa (Sekurang-kurangnya 2 orang)**





PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AJK TSB

1. Merancang penubuhan, mengelola, mentadbir dan mengurus perlaksanaan kerja-kerja pembangunan ladang, penyelenggaraan, pengeluaran dan pemasaran hasil TSB.
2. Membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan TSB dengan tidak terkeluar daripada dasar umum yang ditetapkan oleh mesyuarat agung, dan dasar dan peraturan-peraturan RISDA.
3. Memberi perintah kepada setiausaha dan Jawatankuasa lain untuk menjalankan urusan-urusan TSB.





PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AJK TSB

4. Menyediakan laporan berkenaan kegiatan-kegiatannya di dalam tahun lalu kepada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan.
5. Jawatankuasa hendaklah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengurus tender/sebutharga TSB.
6. Melantik jawatankuasa kecil yang difikirkannya mustahak dan menggantungkan atau melucutkan jawatan sebarang pegawai atau jawatankuasa kecil kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan jawatankuasa, atau sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan TSB.





PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AJK TSB

- 7. Bersama peserta-peserta melaksanakan pemindahan dan penggunaan teknologi terkini mengikut amalan pertanian yang betul (GAP).**
- 8. Jawatankuasa boleh memberi kebenaran kepada pengerusi untuk menandatangani apa-apa perjanjian dengan pihak-pihak yang berkenaan bersabit dengan perkara-perkara yang boleh memajukan TSB ini.**






TANAM SEMULA KOMERSIAL (TSK)

TAKRIF

Satu kaedah menanam semula melalui penyatuan kebun-kebun kecil yang diuruskan oleh agen mengurus (Anak Syarikat Risda – RPSB) dari peringkat pembangunan sehingga pengeluaran dan pemasaran hasil secara cekap dan menguntungkan.





SYARAT PENUBUHAN


- 1. Keluasan TSK tidak boleh kurang daripada 40 hektar. Jika kurang 40 hektar boleh dibawa ke JK Rayuan Kelulusan Penubuhan TSK Ibu Pejabat RISDA.**
- 2. Pekebun kecil hendaklah bersetuju menandatangani perjanjian dengan RISDA Plantation.**
- 3. Jawatankuasa di peringkat tuan tanah perlu diwujudkan.**
- 4. Jawatankuasa antara RISDA dan RISDA Plantation di peringkat daerah/jajahan perlu ditubuhkan.**





SYARAT PENUBUHAN

5. Penyaluran maklumat antara RISDA Plantation, tuan tanah dan sebaliknya dilakukan melalui penyelia RISDA Plantation secara peribadi atau surat/laporan
6. Tuan tanah hendaklah bersetuju melantik RISDA Plantation sebagai wakil kuasa untuk menerima bantuan tanam Semula bagi membiayai kos pembangunan TSK.
7. Tuan tanah boleh membenarkan RISDA Plantation menggunakan duit daripada jualan kayu getah sebagai sebahagian daripada pembiayaan sekiranya perlu.
8. Kaedah pengurusan (pengagihan pulangan/ bayaran dividen) mengikut persetujuan didalam surat perjanjian.





STRUKTUR JAWATANKUASA TSK (*Peringkat Tuan Tanah*)


- i. Pengerusi**
- ii. Setiausaha**
- iii. Bendahari**
- iv. Ahli Jawatankuasa Biasa (Peserta TSK)**





STRUKTUR JAWATANKUASA TSK (*Peringkat Kemajuan Projek*)


- i. Pengerusi**
- ii. Setiausaha**
- iii. Ahli Jawatankuasa Biasa (4 orang Peserta TSK)**





PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AJK TSK

- 1. AJK TSK bertanggungjawab untuk merancang penubuhan dan memantau kemajuan projek TSK dari peringkat awal mengenalpasti kawasan, pembangunan sehingga peringkat pengeluaran hasil.**
- 2. Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 1 kali dalam tempoh 3 bulan sepanjang tempoh perjanjian berkuatkuasa.**
- 3. Memberi pandangan bagi meningkatkan pengurusan projek**





PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AJK TSK

5. **Pengerusi yang mewakili pengurusan RISDA hendaklah membentangkan penyata pendapatan dan perbelanjaan serta laporan kemajuan fizikal Projek semasa yang perlu diedarkan 7 hari sebelum Jawatankuasa bermesyuarat.**
6. **Menyelaras perkara-perkara berkaitan hal ehwal sosial peserta projek.**
7. **Membincangkan dan menyelesaikan sebarang pertikaian dan/atau perselisihan yang timbul berkaitan dengan Projek berkenaan.**





PENGHARGAAN

Buku ini diterbitkan sebagai panduan kepada pekebun kecil untuk melaksanakan program pembangunan tanam semula.

Bahagian Tanam Semula & Perladangan telah mengambil inisiatif untuk membantu pekebun kecil serta kakitangan RISDA memahami secara umum pelaksanaan program tanam semula.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada :

- 1.Dato' Mohamat bin Muda
- 2.Tuan Hj. Mohd Ghazali bin Abd Majid
- 3.Pn. Hajah Zainabon bte Ismail
- 4.Tuan Hj. Md Tahir bin Othman
- 5.En. Mohammad Zakaria bin Alang Zahari
- 6.En. Abd.Rahim bin Hashim
- 7.Pn. Noor Aslinda bte Marzuki
- 8.En. Mohd Mohtar bin Hanan

Ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku panduan ini.





Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pejabat-Pejabat RISDA yang berhampiran atau sila layari laman web RISDA di alamat www.risda.gov.my

Diterbitkan oleh :

**Bahagian Tanam Semula & Perladangan,
Ibu Pejabat RISDA, Tingkat 5, Bangunan RISDA, KM 7.5 Jalan
Ampang, 50990 Kuala Lumpur.**